

Bahasa Merentas Budaya: Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Kepada Pelajar Jepun

Mazlina Baharudin
mazlina@usm.my

Azlina Md. Sadik
msazlina@usm.my

ABSTRAK

Konotasi budaya dalam membincangkan perkembangan bahasa amat kritikal kerana mempunyai fungsi tersendiri dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Bahasa mampu mengetengahkan sesuatu budaya kepada masyarakat global. Bahasa dikatakan terikat dengan budaya dan dizahirkan dengan cara yang agak kompleks. Bahasa berkembang dalam budaya yang kerap mempengaruhi tindakan sosial manusia. Sehubungan itu, dalam pengucapan lisan kewujudan unsur budaya kompleks masyarakat sasaran sering mempengaruhi konstruks bahasa. Kramsch (1998), menyatakan bahawa "bahasa menjelaskan kebenaran budaya" menegaskan lagi kewujudan sesuatu masyarakat, adat resam, sistem kepercayaan dan pengetahuan. Kertas kerja ini adalah satu usaha meneliti pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang disisipi budaya Melayu kepada penutur-penutur asing iaitu pelajar dari Nanzan University, Nagoya, Jepun sebagai responden yang mengikuti Program Bahasa dan Budaya Melayu di USM. Kertas kerja ini secara khususnya akan meneliti kurikulum khas yang dibangunkan untuk meningkatkan proses pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka. Tempoh pengajian mereka selama sebulan. Isi kandungan kurikulum khas yang dibangunkan akan diteliti untuk menentukan tahap pemangkin terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Dapatan awal menunjukkan keberkesanan aspek budaya dalam mengukuhkan penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tersebut didapati memberangsangkan.

Kata kunci: *budaya, bahasa, penutur asing, kurikulum khas.*

PENGENALAN

Bahasa bermaksud sistem lambang bunyi bersuara yang digunakan sebagai alat atau penghubung dalam lingkungan satu kelompok manusia (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007) dalam kehidupan sosial mereka. Manusia menggunakan satu atau lebih banyak bahasa untuk berkomunikasi dalam kehidupan harian mereka. Berkomunikasi boleh dikategorikan sebagai komunikasi verbal dan komunikasi tidak verbal. Bahasa melambangkan bangsa yang menuturkannya.

Merentas pula bermaksud melalui atau menempuh jalan yang terdekat, memintas atau melintasi (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Hal ini merujuk bahasa yang digunakan melalui atau bergerak seiring dengan budaya sesebuah masyarakat.

Budaya pula bermaksud tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, akal budi, cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Menurut Tylor (2010) pula, kebudayaan merupakan keseluruhan yang kompleks yang di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat dan kemampuan lain yang dimiliki oleh seseorang sebagai anggota masyarakat. Budaya itu juga terbentuk daripada banyak unsur termasuklah agama, politik, adat istiadat, bahasa, perkakasan, bangunan, pakaian dan karya seni. (Deddy & Jalaluddin, 2010).

Banyak pakar dan pengkaji yang memperkatakan bahawa bahasa dan budaya adalah dua hal yang tidak dapat dipisahkan. Suryadi, dalam makalahnya Hubungan Antara Bahasa dan Budaya, yang dibentangkan dalam seminar nasional "Budaya Etnik III" di Universitas Sumatera Utara 25 April 2009, menyebutkan bahawa bahasa adalah produk budaya pengguna bahasa. Sebelumnya, pakar-pakar linguistik juga sudah sepakat antara bahasa dengan budaya memiliki kaitan erat. Kajian yang sangat terkenal dalam hal ini adalah teori Sapir-Whorf. Kedua-dua orang pakar ini menyatakan, "Jalan fikiran dan kebudayaan suatu masyarakat ditentukan atau dipengaruhi oleh struktur bahasanya." (Chaer, 2003:61).

Sementara itu, Piaget, sarjana Perancis, menyebutkan bahawa budaya (fikiran) akan membentuk bahasa seseorang. Dari sinilah lahir teori pertumbuhan kognisi oleh Piaget. Sedikit berbeza dengan itu, Vigotsky, sarjana Rusia, yang berpendapat bahawa perkembangan bahasa lebih awal satu tahap sebelum berkembangnya pemikiran (budaya) yang kemudian kedua-duanya bertemu sehingga melahirkan fikiran berbahasa dan bahasa berfikir. Noam Chomsky juga bersetuju bahawa kajian bahasa berkait rapat dengan budaya. Begitu juga halnya dengan Eric Lenneberg yang memiliki pandangan yang sama dengan teori kebahasaan yang dikemukakan oleh Chomsky dan Piaget (Chaer, 2003:52-58).

Pendapat lain yang dikemukakan oleh Brown dan Yule (1983: 1) yang menyatakan bahawa bahasa bukan hanya alat komunikasi. Kedua-dua orang pakar linguistik ini menyebutkan dalam penggunaannya bahasa (language in use) merupakan bahagian daripada pesanan dalam komunikasi. Dalam bahasa Brown dan Yule, hal ini disebut dengan istilah 'transaksional' dan 'interpersonal'. Ertinya, ada kebiasaan dan kebudayaan dalam menggunakan bahasa sebagai media atau alat berkomunikasi.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bahasa memainkan peranan penting merentasi budaya dalam semua aspek kehidupan bermasyarakat. Tanpa bahasa, budaya sesebuah masyarakat tidak dapat dipererat. Jalinan dan tautan bahasa dan budaya ini mampu memajukan sesebuah bangsa berdaulat. Bahasa memiliki falsafah yang mampu meningkatkan rasa kebanggaan pada bahasa itu sendiri. Bahasa mempunyai kuasa mempengaruhi cara hidup penuturnya. Bahasa memiliki unsur penting dalam pembentukan akal budi dan corak kehidupan masyarakat. (Naquib, 1990).

OBJEKTIF


Kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan kajian iaitu sejauhmanakah keberkesanan Program Bahasa dan Budaya Melayu terhadap pelajar Nanzan University?

LATAR BELAKANG PROGRAM BAHASA DAN BUDAYA MELAYU

Kursus Bahasa dan budaya Melayu mula diperkenalkan di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT), USM pada tahun 2002. Peserta sulung yang diterima oleh PPBLT adalah pelajar dari Nanzan University, Nagoya, Jepun. Pelajar-pelajar ini mengikuti Program Policy Studies di Jepun. Tempoh kursus adalah sebulan. Mereka ini ke PPBLT pada bulan Februari hingga Mac setiap tahun. Pelajar-pelajar ini mempelajari bahasa dan budaya masyarakat Melayu selama berada di Malaysia. Jumlah perbendaharaan kata yang diperolehi pelajar pada akhir tempoh kursus ini adalah lebih kurang 500 hingga 600 patah perkataan. Pengkaji hanya membuat penilaian dan mendapatkan data untuk kajian ini dengan melibatkan pelajar dari tahun 2018 dan 2019.

Jadual 1 Bilangan Pelajar Nanzan University yang mengikuti kursus Bahasa dan Budaya Melayu dari tahun 2002-2019

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2002	6	14	20
2003	5	12	17
2004	6	14	20
2005	4	16	20
2006	6	13	19
2007	6	14	20
2008	7	10	17
2009	10	14	24
2010	4	18	22
2011	6	15	21
2012	10	14	24
2013	4	16	20
2014	3	17	20
2015	4	18	22
2016	2	22	24
2017	0	19	19
2018	2	20	22
2019	5	18	23



RAJAH 1 JUMLAH PELAJAR NANZAN UNIVERSITY, 2002-2019

MODUL PENGAJARAN

Modul yang dibina mengandungi sebelas unit kesemuanya. Setiap unit ini mempunyai beberapa sub unit yang lain. Unit pertama para pelajar diajarkan tentang sebutan dalam bahasa Melayu. Para pelajar didedahkan dengan sistem sebutan yang mengandungi latihan sebutan abjad, vokal, diftong, konsonan dan gabungan dua konsonan seperti ng, ny, gh, kh dan ny. Semua sebutan ini perlu diulang sebut oleh para pelajar agar mereka biasa dengannya. Selalunya unit ini diajarkan di dalam makmal bahasa.

Unit kedua pula adalah ucapan dan kata ganti nama diri. Ucapan mudah dalam bahasa Melayu diperkenalkan kepada pelajar. Antaranya adalah selamat pagi, selamat tengah hari, selamat petang, selamat malam, selamat datang dan terima kasih. Di samping itu juga, para pelajar diperkenalkan dengan ucapan Selamat Hari Raya, Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat

Hari Deepavali. Pada masa ini, pelajar juga diberitahu tentang perayaan yang disambut oleh majoriti masyarakat di Malaysia. Unsur kebudayaan juga telah mula diserapkan dalam pengajaran. Kata ganti nama diri yang diperkenalkan adalah kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Selalunya, pada peringkat asas ini, hanya beberapa kata ganti nama yang sering digunakan dalam pertuturan yang akan dititikberatkan. Antaranya, saya, anda, kamu, kami, dia dan mereka.

Dalam unit ketiga, pelajar diperkenalkan dengan sistem nombor di Malaysia. Cara menyebut dan mengira turut diajarkan. Segala hal yang melibatkan nombor seperti mata wang, harga, masa dan ukuran turut diajarkan kepada pelajar.

Dalam unit keempat, pelajar diajarkan cara untuk memperkenalkan diri dan keluarga. Pada waktu ini, jumlah perbendaharaan kata pelajar juga sudah meningkat. Anggaran jumlah perkataan bahasa Melayu yang dikuasai oleh pelajar pada masa ini adalah 200-300 patah perkataan.

Dalam unit kelima, pelajar belajar tentang tentang masa dan aktiviti harian. Di dalam kelas, pelajar dikehendaki menceritakan aktiviti harian yang mereka lakukan setiap hari menggunakan ayat yang ringkas.

Contoh: i) Saya bangun pada pukul 7.30 pagi.
ii) Saya mandi.

Dalam unit keenam, pelajar belajar tentang tarikh, nama hari dan bulan. Mereka juga telah mula diperkenalkan dengan kata sendi untuk masa. Semua unit yang telah dipelajari ini akan pelajar aplikasikan semasa membuat ayat di dalam kelas.

Contoh: i) Pada hari Rabu, saya pergi ke perpustakaan.
ii) Kami tinggal di Malaysia selama satu bulan.

Dalam unit ketujuh, pelajar bercerita tentang hobi dan kegemaran mereka. Pada tahap ini, ada pelajar yang sudah menguasai perbendaharaan kata bahasa Melayu dengan baik. Hal ini jelas tergambar melalui struktur ayat yang disampaikan.

Contoh:

Hari ini hari Ahad. Saya bangun pada pukul 7.30 pagi. Kemudian saya pergi bersenam di padang. Selepas itu, saya pulang ke rumah. Saya mandi. Kemudian saya bersarapan roti dan telur. Pada pukul 8.30 pagi, saya membaca surat khabar. Hobi saya adalah membaca. Saya membaca buku, majalah dan surat khabar pada hari Ahad.

Warna, buah-buahan, bunga, anggota badan dan benda-benda di sekeliling pelajar diajarkan dalam unit kelapan. Unit ini amat digemari pelajar kerana mereka dapat mempelajari banyak benda baru. Gambar-gambar yang berwarna-warni juga menambah minat mereka untuk terus mempelajari bahasa Melayu. Unit kesembilan, sepuluh dan sebelas, pelajar diajarkan tentang cara untuk bertanya kedudukan dan arah, cara untuk mendapatkan maklumat dan bercerita tentang perasaan.

Contoh: i) Di mana kelas anda?
ii) Bagaimana awak hendak pergi ke makmal?

KAEDAH

Kaedah yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini ialah temu bual dan penilaian ujian bertulis. Temu bual dirakamkan ketika pelajar melakukan aktiviti seperti inap desa, tarian, kelas

masakan tradisional, mencanting batik dan lawatan ke tempat bersejarah di sekitar Pulau Pinang. Ujian yang dinilai adalah ujian lisan dan ujian bertulis.

DAPATAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan data yang dikumpulkan melalui penilaian kursus terhadap pelajar dari Nanzan University, Jepun sejak tahun 2002 hingga 2019. Para pelajar ini langsung tidak mempunyai asas bahasa Melayu. Pertama kali mendengar dan bertutur menggunakan bahasa Melayu adalah ketika mereka berada di Malaysia.

TEMU BUAL

Dalam proses ini, pelajar memberikan respon yang pelbagai. Kebanyakannya komen yang memberangsangkan. Pelajar dapat memahami pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar, walaupun mereka tidak mempunyai asas bahasa Melayu secara langsung. Kreativiti tenaga pengajar juga mendorong pelajar belajar dengan lebih tekun. Latihan tarian juga sangat diminati oleh pelajar. Mereka berlatih bersungguh-sungguh setiap langkah tarian Zapin dan Inang dengan mengira dalam bahasa Melayu. Yang paling meninggalkan kesan di hati mereka adalah semasa menginap di inap desa. Layanan keluarga angkat sangat-sangat mengharukan. Pelajar mengatakan pasti ia menjadi kenangan yang akan dikenang sepanjang hayat.

UJIAN

Sebahagian besar boleh menjawab soalan lisan yang dikemukakan kepada mereka. Pelajar juga menjawab dengan ayat yang lengkap. Contoh soalan:

- i. Siapa nama anda?
- ii. Di mana anda tinggal?
- iii. Berapa umur kamu?
- iv. Dari mana anda berasal?
- v. Bagaimana cuaca di Jepun?
- vi. Mengapa anda belum tidur?
- vii. Siapa nama guru anda?
- viii. Apa warna bendera negara anda?
- ix. Bila kawan kamu akan pergi ke Kuala Lumpur?
- x. Hari ini hari apa?

Pelajar juga boleh menjawab soalan ujian akhir. Hampir 80% pelajar mendapat gred A. Mereka mengulangkaji pelajaran yang dipelajari sebelum ujian bertulis tersebut. Berdasarkan penilaian yang dilakukan, didapati bahawa pelajar boleh menulis jawapan dengan struktur ayat yang betul. Mereka juga boleh mengisi tempat kosong dengan jawapan yang tepat, walaupun tiada pilihan jawapan disediakan.

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Kebanyakan pelajar dari Nanzan University ini mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Hal ini kerana kebanyakan pelajar hanya tahu bertutur bahasa Jepun. Hanya dua atau tiga orang pelajar yang mengetahui bahasa Inggeris. Di sertakan juga di sini faktor-faktor yang mendorong pelajar ini mempelajari bahasa kedua. Mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bermaksud individu yang belajar bahasa Melayu selain daripada bahasa ibundanya sama ada secara formal atau tidak formal. D.N.Larson dan W.A. Smalley, 1972 (dalam Abdullah Hassan, 2009) menggariskan beberapa faktor yang mendorong kejayaan individu mempelajari bahasa kedua.

Pelajar yang mempunyai keupayaan yang tinggi, serta diberikan peluang yang baik dan mempunyai motif yang kukuh serta sikap yang sihat dan belajar dalam lingkungan masyarakat yang mendorong, maka usahanya dalam pembelajaran bahasa itu tentu sekali akan berjaya. Seseorang yang mempunyai motif yang tinggi dan diberikan peluang yang baik, tetapi tidak mempunyai keupayaan yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa, akan mencapai kejayaan yang baik juga, lebih-lebih lagi kalau masyarakat sekelilingnya itu mendorong. Seseorang yang mempunyai motif yang tinggi serta ada sikap dan keupayaan baik, tetapi kurang berpeluang, harus juga mencapai kejayaan yang agak baik kalau ada individu di sekelilingnya yang memberikan sokongan kepada pembelajarannya itu.

Kalau seseorang pelajar itu berpeluang baik untuk belajar bahasa dan mempunyai keupayaan tinggi, maka kejayaannya bergantung pada motifnya. Motifnya itu akan bergantung pada lingkungan kebudayaan di sekelilingnya. Hanya mereka yang dapat mengatasi masalah ini akan berjaya. Kalau seseorang pelajar itu bermotif, tetapi tidak mempunyai keupayaan, sikap dan peluang untuk belajar, maka dia harus gagal. Kalau ada kebudayaan dan masyarakat sekelingnya membantu, maka ada juga sedikit harapan untuk mendapat sedikit kejayaan. Kalau seseorang pelajar itu mendapat peluang baik untuk belajar bahasa tetapi tidak mempunyai keupayaan dan motif, maka dia akan gagal. Peluang yang diberikan kepadanya akan sia-sia. Kebudayaan yang menyokong pembelajaran itu juga akan membosankannya. Pelajar yang berkeupayaan tinggi tetapi tidak bermotif dan juga tidak diberikan peluang akan gagal. Walau bagaimanapun, lingkungan yang menyokong mungkin membantunya mencari motif, kalau tidak, dia juga akan gagal.

KEBERKESANAN PROGRAM BAHASA DAN BUDAYA MELAYU TERHADAP PELAJAR NANZAN UNIVERSITY

Kepelbagaian alat bantu mengajar turut menyumbang pada keberkesanan proses pembelajaran pelajar dari Nanzan University. Selain modul pengajaran yang berbentuk buku teks, bahan elektronik juga turut digunakan. Penggunaan makmal bahasa dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Pelajar boleh terus mengakses ke laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Hal ini memudahkan proses pembelajaran dijalankan dengan berkesan. Kesannya, telah terbukti dengan penilaian yang dilakukan kepada pelajar pada akhir program ini.

KESIMPULAN

Bahasa dan budaya Melayu seharusnya terus berkembang. Bukan hanya di bumi Asia, malah seantero dunia. Teruslah bercambah dan hidup subur walau di mana-mana sahaja. Contohilah Universiti Beijing dan Universiti Guangzhou, China.(Prof Wu Zongyu). Hankuk Universiti of Foreign Studies, di Kampus Seoul dan Wangsan, Pusan Univerisiti of Foreign Studies,serta Sungshin College of Foreign Studies di Korea Selatan. (Prof Chung Young-Rhim). Universiti St Petersburg, Universiti Negara Ilmu Kemanusiaan dan Institut Negara Moscow Hubungan Antarabangsa, di Rusia.(Dr. Tatiana Dorofeeva). Semua universiti ini menawarkan kursus Bahasa Melayu. Diharapkan juga agar satu hari nanti, Nanzan University, Jepun akan turut menawarkan kursus Bahasa Melayu. Tidak MELAYU hilang di dunia.

RUJUKAN

Abdullah Hassan (2009). *Belajar Bahasa Kedua* .<http://bmp6103.blogspot.com/2009/02/belajar-bahasa-kedua.html>

Arbak Othman (1985). *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atan Long (1981). *Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Azman Wan Chik (1987). *Kaedah Hayati Amali*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Bloomfield, L. (1995). *Language*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Brown, G., & Yule, G. (1996). *Analisis Wacana*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Cangelosi, J., S. (1992). *Systematic Teaching Strategy*. New York: Longman.
- Chaer, A., & Agustina, L. (2004). *Sosiolinguistik*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chaer, A. (1994). *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Ee, A. M. (1987). *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Fishman, J. A. (1991). *Sosiologi Bahasa*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kramsch, C. J. (1998). *Culture and Constructs: Communicating Attitudes and Values in the Foreign Language Classroom*. <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1111/j.1944-9720.1983.tb01685.x>
- Kamarudin Husin (1988). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman (M).
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi III*. (2005) Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional Pusat Bahasa Republik Indonesia.
- Kaye, B. (1970). *Participation In Learning*. London: George Allen & Unwin
- Kemp, J. E. (1987). *Corak Rancangan Pengajaran - Suatu Rancangan Untuk Menggubal Unit dan Kursus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mok, S. S. (1992). *Pedagogi 2: Strategi Pengajaran Pembelajaran Mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Munsi, Alif Danya (2005). *Bahasa Menunjukkan Bangsa*. Jakarta: KPG.
- Parrot, E. (1986). *Effective Teaching*. London & New York: Longman, 7th ed.
- Raminah Sabran, & Rahim Syam (1985). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Rashidi Azizan, & Abdul Razak Habib (1995). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah, Kaedah & Strategi*. Kajang: Masa Enterprise.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann, ctk. 4.
- Sumarsono dan Paina Partana (2002). *Sosiolinguistik*. Yogyakarta: SABDA dan Pustaka Pelajar.
- Suryadi (2009). *Hubungan Antara Bahasa dan Budaya*. Universitas Sumatera Utara.
- Tang, C. Y. (1988). *Panduan Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Thompson, B. (1974). *Learning To Teach*. London: Sidgwick & Jackson.
- Wragg, E.C. (1974) *Teaching Teaching*. West Vancouver: Douglas David & Charles Ltd.